

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 9 OGOS 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

## Kadar OPR dijangka kekal 3 peratus setahun lagi



### Bank Negara ambil kira trajektori kadar inflasi terus menurun

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

**Bank Negara Malaysia** (BNM) dijangka mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3 peratus untuk tempoh enam bulan hingga 12 bulan akan datang berikutan trajektori menurun yang berterusan kadar inflasi utama dan inflasi teras.

Kenanga Investment Bank

Bhd dalam nota penyelidikannya bagaimanapun berkata, kemungkinan perubahan harga dalam makanan dan komodi ti disebabkan ketidaktentuan dasar kerajaan, risiko geopolitik serta keadaan cuaca boleh memberi kesan ketara kepada prospek inflasi.

“Oleh itu, BNM mungkin terus menerima pakai pendekatan bergantung kepada data dalam proses membuat keputusan,” katanya.

Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) BNM bulan lalu membuat keputusan untuk mengekalkan OPR 3 peratus.

Ia selepas MPC membuat keputusan luar jangkaan pada Mei dengan menaikkan penanda aras kadar faedah pinjaman dan tabungan itu sebanyak 25 mata asas kepada 3 peratus.

#### Penanda aras kadar pinjaman

Kenaikan OPR itu adalah pertama bagi tahun ini selepas penanda aras bagi kadar pinjaman dan deposit di Malaysia itu dikekalkan pada Januari dan Mac lalu pada paras 2.75 peratus.

Pada tahap OPR semasa, pendirian dasar monetari kekal akomodatif dan terus menyokong pertumbuhan ekonomi.

Dalam pada itu, Kenanga Research berkata, rizab antarabangsa BNM kembali kepada aliran menaik selepas tiga bulan berturut-turut menurun, meningkat sebanyak AS\$1.5 bilion atau 1.3 peratus bulan ke bulan kepada paras tertinggi tiga bulan AS\$112.9 bilion pada 31 Julai lalu.

Komponen utama rizab antarabangsa ialah rizab mata wang

asing (AS\$100.7 bilion), paras rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (AS\$1.4 bilion), hak pengeluaran khas (SDR - AS\$5.7 bilion), emas (AS\$2.4 bilion) dan aset rizab lain (AS\$2.7 bilion).

Kenanga Research berkata, kenaikan rizab antarabangsa itu disebabkan, terutama oleh peningkatan mendadak dalam rizab mata wang asing.

“Rizab mata wang asing (AS\$1.5 bilion atau 1.3 peratus kepada AS\$100.7 bilion), melantun semula ke atas paras AS\$100 bilion disebabkan peningkatan dalam penghantaran pulang eksport dan nilai tukaran dolar AS lebih tinggi bagi aset berasaskan mata wang lain.

“Sementara itu, SDR, aset rizab lain, emas dan kedudukan rizab IMF kekal hampir tidak berubah,” katanya.